



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

**PEMERIKSA BURUH (C.2 EB.3)  
JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEMERIKSA BURUH  
JABATAN BURUH  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
C.2 EB.3 (\$1,450 -\$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang *Business and Management / Information Technology (IT)* / Perundangan atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Buruh dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 8 tahun.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai operasi dengan terancang setelah menerima maklumat dari Unit Perisikan / Pegawai Atasan dan aduan orang ramai;
2. Mengumpulkan keterangan dan bukti semasa / setelah operasi bagi kesalahan Majikan (Syarikat / Amah) sepertimana di bawah peruntukan Perintah Pekerjaan 2009;
3. Menyampaikan maklumat Perintah Pekerjaan 2009 kepada pekerja dan majikan semasa operasi dijalankan;
4. Meneliti, menilai, mempertimbangkan dan menandatangani permohonan membaharui lesen;



5. Meneliti, menilai, mempertimbangkan dan menandatangani permohonan Pertukaran Kontrak Pekerja; dan
6. Menerima arahan dari pegawai atasan dari semasa ke semasa.